

**Diplomasi peace corps: bantuan sukarelawan Amerika Syarikat di Malaysia, 1961-1983**

**ABSTRACT**

Pada tahun 1961, kerajaan Amerika Syarikat telah menubuhkan satu agensi Peace Corps sebagai program bantuan sukarelawan kepada negara Dunia Ketiga. Sukarelawan Peace Corps memainkan peranan penting dalam diplomasi secara membina hubungan sosial yang akrab dengan penduduk tempatan selain daripada memberi bantuan dari segi kemahiran teknikal dalam bidang pendidikan, kesihatan, pembangunan masyarakat dan pertanian. Malaysia merupakan antara negara yang pertama menerima bantuan Peace Corps pada tahun 1962. Artikel ini memberi fokus perbincangan tentang kewujudan diplomasi bilateral antara negara Amerika Syarikat dan Malaysia, konsep diplomasi Peace Corps, dan perkembangan programnya di Malaysia sehingga ditamatkan pada tahun 1983.